

ADAT PERPATIH.

MASYARAKAT DAN PERUBAHAN  
(ANT 2001)

DIPLOMA PEMBANGUNAN MANUSIA  
EKOLOGI MANUSIA

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1998/99

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

ANT-2001

PERUBAHAN DAN MASYARAKAT

TAJUK: ADAT PERPATIH

ANLI KURIPULAN

252

|                                  |       |
|----------------------------------|-------|
| 1 . ERANA BT. ABD SEMAN          | 59186 |
| 2 . SITI ZALEHA BT. ABD WAHAB    | 58719 |
| 3 . ZURAIDAH BT. AMNIN           | 59090 |
| 4 . NUR AIDAH BT. RASHID         | 58894 |
| 5 . MAZLINA BT. MAHADHIR         | 58691 |
| 6 . NURZAFIFA BT. KAMARUNZAMAN   | 58762 |
| 7 . MARLINA BT. RAMLY            | 59050 |
| 8 . RINA AZRIN BT. ABD RAHMAN    | 65162 |
| 9 . NURUL SYAHIDA BT. MAT ARSHAD | 58931 |

## Penghargaan

Assalamualaikum w.b.t.

Alhamdulillah, kami bersyukur ke hadrat Ilahi kerana kami dapat menyiapkan tugas yang bertajuk ADAT PERPATIH dalam tempoh masa yang di tetapkan. Laporan kajian ini adalah hasil kerjasama dan bantuan dari pelbagai pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Penghargaan dan rasa terhutang budi yang sesungguhnya tidak dapat dilahirkan dengan beberapa baris ayat. Namun begitu, kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah yang kami hormati ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM sebagai pensyarah kursus ANT 2001 dan fasilitator kami dalam menyediakan dan mengemaskinikan tugas ini.

Terima kasih juga atas kesudian ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM kerana sudi meluangkan masa untuk mengkritik dan memperbetulkan kesilapan dan kekurangan tugas kami bagi menghasilkan mutu kerja yang baik.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada semua ahli kumpulan kami yang terdiri daripada Era, Eda, Siti, Aida, Maz, Fifa, Jaja, Ina dan Rina yang bertungkus-lumus dan sanggup berkorban masa untuk menyediakan dan menyiapkan tugas serta memberi komitmen yang tinggi sepanjang pemprosesan tugas ini. Ini kerana kami memegang satu prinsip ‘berat sama dipikul, ringan sama dijinjing’.

*Sekian terima kasih*

# ISI KANDUNGAN

|                                         |    |
|-----------------------------------------|----|
| PENGHARGAAN                             |    |
| PENGENALAN                              | 1  |
| ADAT PERPATIH BERASAL DARI MINANGKABAU  | 7  |
| SEBAB-SEBAB DIBERI NAMA ADAT PERPATIH   | 9  |
| HIDUP PELBAGAI KAUM                     | 12 |
| PECAHAN-PECAHAN SUKU DAN PENTADBIRANNYA | 14 |
| HIDUP DALAM SUKU-SUKU                   | 16 |
| LUAK DAN SUKU-SUKU                      | 18 |
| SEMENDA-BERSEMENDA                      | 20 |
| PERTALIAN ANTARA SUKU-SUKU              | 22 |
| KEDIM-BERKEDIM                          | 24 |
| PEMERINTAHAN BERPEWAKILAN               | 26 |
| RAJA TIADA BERNEGERI                    | 28 |
| KEPERIBADIAN SEORANG PEMIMPIN           | 30 |
| CARA-CARA MEMBAHAGI HARTA               | 34 |
| ADAT YANG SENTIASA BAHARU               | 37 |

## KEDIM BERKEDIM

Adat Perpatih membenarkan dan membolehkan pasangan suami isteri mengambil anak angkat dari luar suku. Ia dikenali “mengedimkan budak”. Apabila pasangan tersebut hendak mengambil seorang anak angkat dari luar suku mereka perlulah mendapatkan kebenaran dan persetujuan dari suku si isteri. Sesudah suku mengizinkan maka lembaganya pula berunding dengan lembaga kepada suku yang rela memberikan anak buahnya kepada pasangan tersebut.

Setelah kedua-dua belah pihak bersetuju barulah anak angkat itu boleh diterima dan pengambilannya disahkan oleh suku yang menerimanya dengan melakukan upacara atau istiadat. Upacara ini dikenali sebagai “Istiadat Berkedim” atau “Istiadat Mengedimkan Budak”.

Apabila anak angkat itu sudah dikedimkan maka suku asalnya tidak berhak lagi ke atasnya dan lupuslah pertaliannya dengan suku tersebut. Maka kanak-kanak tersebut akan tinggal dengan suku yang mengedimkannya dan mempunyai hak seperti anak buah biasa.

Apabila anak itu sudah dewasa dia akan dijauhkan dari suku asalnya untuk mengelakkan dia berkahwin sesama suku. Maka ia ditentukan berkahwin dengan suku yang lain.

Sebenarnya istilah “kedim” atau “kadim” bermakna “saudara” maka upacara “mengedimkan budak” bermakna mengaku saudara kepada anak angkat yang di ambil iaitu anak angkat itu dipersaudarakan. Pada masa dahulu ia sebenarnya merupakan satu perbuatan yang biasa sahaja, terutamanya di waktu negeri baru dibuka dan bilangan penduduk masih kecil. Untuk membanyakkan bilangan anak negeri dan anak buah maka suku-suku dalam luak telah menggalakkan orang perantauan menetap dalam kampung dan lingkungan suku mereka.

Dengan demikian mereka akan dapat tempat tinggal dan juga berguna mendatangkan kemakmuran kepada suku tersebut. Jika ramai anak buah maka lebih banyaklah kerja-kerja yang dapat dilakukan. Apabila negeri baru diteroka segala tenaga dipentingkan untuk membuka tanah paya, hutan rimba dan sebagainya untuk dijadikan tanah sawah, kampung halaman, dusun dan lain-lain.

Oleh yang demikian tidak hairanlah orang Minangkabau di luak-luak di Naning dan Negeri Sembilan dahulu sanggup menerima kedatangan orang-orang dagang ini. Oleh sebab itu jugalah maka mereka menetapkan bahawa:

*“ dagang bertempatan  
perahu bertambatan”.*

Malah sejak dahulu lagi orang-orang Minangkabau memang terkenal sebagai bangsa yang suka merantau. Mereka sering mencari tempat yang baik untuk menetap. Adat dan masyarakat menyuruh mereka mencari **indok semang** dirantau:

*“Kalau jadi pergi ke pekan,  
yu beli belanak pun beli,  
ikan panjang beli dahulu,  
kalau jadi engkau berjalan,  
ibu cari sanak pun cari,  
**indok semang** cari dahulu”.*

Apabila seseorang itu telah diterima dan dikedimkan oleh sesuatu suku, dia tidak boleh mewarisi pusaka-pusaka besar seperti menjadi buapak dan lembaga.